

MINIT MESYUARAT PANITIA PENDIDIKAN JASMANI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN KALI - 1/2017

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA SUNGAI KLAU,
27630, RAUB,
PAHANG

Tarikh : 9 .1.2017
Masa : 3.30 Petang
Tempat : Perpustakaan @ Pusat Sumber SJK (C) Sungai Klau

Kehadiran:

1. En. Shum Wai Keong (Ketua Panitia)
2. En. Mohd.Nor Salam bin Harun (Setiausaha)
3. En. Ti Yee San
4. Puan Phang Lee Kwan
5. Puan Chong Lee Chin
6. Cik Noorsilah binti Omar
7. Encik Wan Min Haur
8. Puan Chang Wai Yan
9. Cik Yong Ji Yee

AGENDA 1: UCAPAN KETUA PANITIA PENDIDIKAN JASMANI & PENDIDIKAN KESIHATAN

- 1.1 Ucapan terima kasih atas kehadiran guru-guru ke Mesyuarat Panitia Pendidikan Jasmani Kali -1 bagi sesi 2017
- 1.2 Mengharapkan semua guru memberikan kerjasama agar semua program yang dirancang dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

AGENDA 2 : RANCANGAN MENGAJAR

- 2.1 Ketua Panitia Pendidikan Jasmani menjelaskan Buku Rancangan Mengajar ditulis dengan berpandukan Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) yang terkini dan mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas iaitu [PU(A) 531 Per 7&PU (A) 531 Per 8].
- 2.2 Sukatan dan Huraian Sukatan Pelajaran diserahkan kepada semua guru.
- 2.3 Rancangan Pelajaran Tahunan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan telah disiapkan. Mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang menyediakan RPT 2017. RPT Pendidikan Jasmani dan Kesihatan akan dibuat dalam bentuk *Hard Copy* dan *Soft Copy*.
- 2.4 Pengerusi menerangkan format penulisan Buku Rancangan Harian sekurang-kurangnya perlu ada tunjang, tajuk, sub tajuk, objektif, aktiviti, BBM dan catatan.

AGENDA 3 : AKTIVITI TAHUNAN

3.1 Aktiviti Kuiz Pendidikan Jasmani dan Kesihatan berbentuk pengetahuan am akan diadakan pada bulan Pendidikan Jasmani.

3.2 Memaklumkan bahawa buku aktiviti mesti ada untuk pendidikan kesihatan. Wajib ada aktiviti dalam buku itu sebagai bukti kita menjalankan sesi pendidikan kesihatan.

3.3 Memaklumkan aktiviti ujian SEGAK perlu dilakukan 2 kali setahun iaitu pada bulan 3 untuk penggal pertama dan bulan 8 untuk penggal ke 2. Ujian tersebut perlu direkodkan didalam kad rekod ujian SEGAK dan di masukkan ke dalam aplikasi yang telah di sediakan oleh pihak Jabatan Pelajaran Pahang.

3.4 Guru diingatkan supaya memasukkan keputusan SEGAK ke dalam almanak sesawang PAJSK pada akhir tahun

AGENDA 4 : HAL-HAL LAIN

4.1 Ketua Panitia meminta supaya hanya guru yang mengambil peralatan PJK dan memastikan peralatan tersebut disimpan semula ditempat asalnya. Selain itu juga segala peminjaman peralatan dicatatkan dalam buku catatan peminjaman peralatan. Murid tidak dibenarkan untuk mengambil alatan di bilik PJK tanpa pengawasan guru.

4.2 Pastikan buku latihan Pendidikan Kesihatan ditanda dan digunakan sebaik mungkin bagi mengelakkan aduan dari ibu bapa penggunaan buku tulis PJK yang terlalu sedikit untuk setahun.

4.3 Guru-guru diingatkan supaya memakai pakaian sukan pada hari guru tersebut mengadakan kelas Pendidikan Jasmani iaitu **BAJU BERKOLAR, SELUAR TRACK, DAN KASUT SUKAN**. Manakalau bagi guru yang mengajar Pendidikan Kesihatan perlu memakai pakaian rasmi mengajar.

4.4 Pada waktu PJ, murid hanya dibenarkan memakai pakai pakaian PJ sekolah dan berseluar track panjang. Mulai tahun ini, seluar pendek tidak lagi dibenarkan bagi pelajar. Pelajar juga hanya dibenarkan untuk menggunakan kasut sekolah sahaja sewaktu PJ. Kasut sukan berjenama tidak dibenarkan.

AGENDA 5: UCAPAN PENANGGUHAN

5.1 Mesyuarat disudahi dengan ucapan terima kasih Tuan Pengerusi.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.00 petang.

Disediakan oleh :

Disemak oleh:

.....
(En Mohd.Nor Salam bin Harun)
Setiausaha ,
Panitia PJK
SJK (C) Sungai Klau

.....
(En. Shum Wai Keong)
Ketua Panitia Pendidikan Jasmani
SJK (C) Sungai Klau
Raub, Pahang.

